

BAHAGIAN INTEGRITI (BaI)



ISI KANDUNGAN

1. UNIT TADBIR URUS
2. UNIT PENGUKUHAN INTEGRITI
3. UNIT PENGESANAN DAN PENGESAHAN
 - SEKSYEN LKAN/AUDIT DALAM/SIASATAN (PROJEK)
 - SEKSYEN SIASATAN
4. UNIT PENGURUSAN ADUAN
5. UNIT PEMATUHAN
6. UNIT TATATERTIB

PENGENALAN


Bahagian Integriti (BaI) JKR adalah satu bahagian yang menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus bertujuan supaya ia dapat dilaksanakan dengan secara yang lebih fokus dan terancang supaya elemen penginstitutionan integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesanan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.

Bahagian ini bertanggungjawab melaksanakan **enam (6)** fungsi teras iaitu:-

- Tadbir Urus
- Pengukuhan Integriti
- Pengesanan dan Pengesanan
- Pengurusan Aduan
- Pematuhan
- Tatatertib

JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR) PERINGKAT JKR

- Mesyuarat JAR diadakan sebanyak **DUA (2)** kali pada tahun ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) iaitu
 1. Bil 1/2020 - 13 Mac 2020
 2. Bil 2/2020 - 29 September 2020
 - Kertas pertimbangan telah dibentangkan oleh Sr. Amran Bin Hj Mohd Majid dari CKUB yang bertajuk **Penambahbaikan ke atas penilaian tender JKR bagi menangani isu kartel (pakatan) dan kebocoran maklumat** telah diluluskan untuk dibawa ke mesyuarat JKKMAR.
- Jawatankuasa ini bertujuan untuk mendukung usaha memperkukuhkan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan dalam memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.



MESYUARAT PEGAWAI INTEGRITI (MPI)



- Mesyuarat Pegawai Integriti merupakan mesyuarat yang diadakan sebanyak **DUA (2)** kali setahun bersama Pegawai Integriti (PI) dan Penolong Pegawai Integriti (PPI) yang dilantik daripada Cawangan dan JKR Negeri.
- Antara objektif mesyuarat adalah:-
 - A. Memantau pelaksanaan Pelan Integriti Jabatan.
 - B. Membincangkan isu-isu berkaitan integriti dan rasuah jabatan.
 - C. Membincangkan hal-hal berkaitan aduan dan tata tertib serta laporan hasil siasatan.
 - D. Melaporkan hasil pemantauan program *Mystery Shopping*.

- Mesyuarat ini juga turut membincangkan hasil laporan Pelan Integriti JKR 2018-2020 bagi setiap sukuan yang telah dihantar oleh setiap Cawangan dan JKR Negeri.
- Disini disertakan rumusan analisa pencapaian Pelan Integriti JKR 2018-2020 bagi suku kedua dan ketiga tahun 2020: -

ANALISA PENCAPAIAN PI JKR 2018 - 2020 CAWANGAN/NEGERI SUKU 2 DAN 3 TAHUN 2020

BIL	CAWANGAN/JKR NEGERI	SUKU KEDUA	SUKU KETIGA
1	CAW. ARKITEK	★★★★★	★★★★★
2	CAW. KEJURUTERAAN CERUN	★★★★	★★★★★
3	CAW. KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN	★★★★	★★★★★
4	CAW. KERJA KESELAMATAN	★★★★★	★★★★★
5	CAW. ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN TENAGA	★★★★★	★★★★★
6	CAW. KEJURUTERAAN MEKANIKAL	★★★★	★★★★★
7	CAW. KERJA PENDIDIKAN	★★★★★	★★★★★
8	CAW. KERJA KESIHATAN	★★★★	★★★★★
9	CAW. KONTRAK DAN UKUR BAHAN	★★★★	★★★★
10	CAW. KERJA BANGUNAN AM 1	★★★★★	★★★★★
11	CAW. KERJA BANGUNAN AM 2	★★★★	★★★★★
12	CAW. SENGGARA FASILITI JALAN	★★	★★
13	CAW. SENGGARA FASILITI BANGUNAN	★★★★	★★★★★
14	CAW. KEJURUTERAAN ELEKTRIK	★★★	★★★★
15	CAW. KEJ. GEOTEKNIK	★★★★	★★★★★
16	CAW. KEJ. AWAM DAN STRUKTUR	★★★★	★★★★
17	CAW. PERANCANGAN ASET BERSEPADU	★★	★★★★
18	CAW. DASAR PENGURUSAN KORPORAT	★★★★	★★★★★

BIL	CAWANGAN/JKR NEGERI	SUKU KEDUA	SUKU KETIGA
19	CAW. JALAN	★★★★★	★★★★★
20	CREATE	★★★	★★★★★
21	JKR SELANGOR	★★★	★★★★★
22	JKR W.P. PUTRAJAYA	★★★★★	★★★★★
23	JKR KESEDAR	★★★★	★★★★★
24	JKR PERLIS	★★★★★	★★★★★
25	JKR W.P. LABUAN	★★★	★★★★★
26	JKR PAHANG	★★★★★	★★★★★
27	JKR MELAKA	★★★★★	★★★★★
28	JKR JOHOR	★★★★	★★★★★
29	JKR TERENGGANU	★★★★	★★★★★
30	JKR NEGERI SEMBILAN	★★★★★	★★★★★
31	JKR W.P. KUALA LUMPUR	★★	★★★★★
32	JKR PERAK	★★★★★	★★★★★
33	JKR KEDAH	★★	★★★★★
34	JKR KELANTAN	★★	★★
35	JKR PULAU PINANG	★★★★	★★★★

MARKAH KESELURUHAN (%)	TAHAP	PENARAFAN
90 hingga 100	Cemerlang	★★★★★
80 hingga 89.9	Baik	★★★★
70 hingga 79.9	Memuaskan	★★★
60 hingga 69.9	Kurang Memuaskan	★★
59.9 ke bawah	Tidak Memuaskan	★

- Bagi suku ketiga terdapat peningkatan bagi beberapa Cawangan dan JKR Negeri berbanding suku kedua.

PELAN ANTI RASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023



JABATAN PERDANA MENTERI

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL 2019-2023

6
STRATEGI

17
OBJEKTIF STRATEGIK

115
INISIATIF

30
JANGKA PENDEK Jan-Dis 2019

31
JANGKA SEDERHANA Jan 2019-Dis 2020

54
JANGKA PANJANG Jan 2019-Dis 2023


- Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) merupakan dokumen utama Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah. Visi NACP adalah untuk mewujudkan Negara bebas rasuah.
- Jabatan Kerja Raya terlibat di dalam pelaksanaan inisiatif jangka pendek dan jangka panjang di dalam Kerangka Pelan Anti Rasuah Nasional 2019-2023.
- Bahagian Integriti selaku penyelaras bagi agensi peneraju bertindak dalam membuat koordinasi dan memastikan Cawangan/ Bahagian masing-masing mengemukakan pelaporan inisiatif yang diterima sebelum pelaporan dikemukakan kepada Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP iaitu GIACC pada setiap suku tahun.



Episod Agenda Pencegahan Rasuah di Malaysia

PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

- ❖ Bahagian Integriti terlibat dalam usaha membangunkan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI). Pembangunan OACP merupakan kepentingan kepada jabatan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah sekaligus memastikan pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan mengambilkira situasi kini dan masa hadapan.



ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS (ABMS)



Selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) untuk memperkenalkan pensijilan ABMS ISO 37001 di semua agensi, Bahagian Integriti telah memperkenalkan pensijilan ABMS ini kepada warga jabatan dengan mengadakan sesi taklimat ABMS yang disampaikan oleh SPRM, hebahan melalui laman web rasmi JKR serta *roadshow* ABMS dalam program-program integriti bagi membantu jabatan dalam mewujudkan, melaksana dan memperbaiki program pematuhan anti-rasuah.

UNIT PENGUKUHAN INTEGRITI

PROGRAM SEMARAK INTEGRITI SIRI 1/2020

- Program ini dilaksanakan di Dewan Q, JKR Perlis pada 7 Julai 2020.
- Program ini anjuran bersama dengan Unit Integriti KKR dan Bahagian Integriti CDPK, Ibu Pejabat JKR Malaysia.
- Seramai 50 orang peserta JKR Negeri Perlis yang terdiri daripada pegawai kanan dan pegawai-pegawai JKR perlis.
- Tema program ini adalah ***"Rasuah Dihina, Integriti Dibina"***.
- Objektif utama program ini adalah:-
 - 1) Memberi pendedahan dan penekanan tentang implikasi buruk rasuah.
 - 2) Melahirkan dan membentuk warga JKR yang berakauntabiliti tinggi dalam membentuk hubungan sosial disamping melaksanakan tanggungjawab.

BINGKISAN INTEGRITI

- Bingkisan Integriti di hebahan kepada semua warga JKR melalui email sebanyak dua kali sebulan.
- Objektifnya adalah untuk memberi peringatan kepada semua warga JKR tentang peraturan dan perkara-perkara yang dilarang dilakukan oleh seorang penjawat awam.






PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH (CeIO) SIRI 24 BIL 1/2020

- Bagi permulaan tahun 2020, Pusat Pembangunan Integriti Korporat (CIDC), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) telah menganjur serta mengendali Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 24/2020.
- Program ini diadakan di MACA, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Kuala Lumpur bermula pada 2 Februari 2020 hingga 24 Mac 2020.
- Program ini disertai 63 orang Pegawai Pengurusan dan Professional dari pelbagai agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).
- Program CeIO telah dibahagikan kepada 2 kaedah iaitu kaedah dalam kelas dan luar kelas yang mana bagi kaedah dalam kelas, penyampaian program dibuat melalui 4 modul seperti berikut :-

MODUL	SUBJEK	TARIKH
1	Pengenalan Kepada Integriti	2-7 Februari 2020
2	Perundangan dan Peraturan	17-21 Februari 2020
3	Pematuhan dan Pemantauan (termasuk pelaksanaan Projek EIP)	2-8 Mac 2020
4	Pembentukan Pelan Risiko Rasuah (dan Majlis Penutup Program dan Seminar)	16-25 Mac 2020

- Walau bagaimanapun, pembelajaran Modul 4 serta Majlis Penutup Program dan Seminar tidak dapat dilaksanakan berikutan penularan Pandemik Covid-19. Pihak MACA telah menggantikan pelaksanaan Modul tersebut melalui *Learning Management System (LMS) E-Learning* pada 22-24 Jun 2020
- Matlamat program ini adalah untuk:
 1. Memastikan pematuhan terhadap semua undang-undang, peraturan, sistem dan prosedur.
 2. Menyemat budaya *Zero Tolerance* terhadap rasuah, penyalahgunaan kuasa, dan penyelewengan.
 3. Memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pihak pengurusan.

- Pihak JKR telah menghantar enam (6) orang wakil untuk menyertai program ini iaitu: -



1. SEKSYEN LKAN/AUDIT DALAM/SIASATAN (PROJEK)

PENYELARASAN MAKLUMBALAS LKAN DAN LAPORAN UNIT AUDIT DALAM KKR

Beberapa siri penyelarasan dan pemurnian jawapan maklumbalas akan diadakan bersama pegawai - pegawai dari pejabat - pejabat JKR yang terlibat dengan:

- Projek yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebelum dibentangkan di Parlimen.
- Projek yang telah diaudit oleh Unit Audit Dalam KKR sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) di KKR.

PENEMUAN AUDIT

LKAN SIRI 3 TAHUN 2018 TELAH DIBENTANG DI PARLIMEN PADA 14 JULAI 2020

PROJEK: PENGURUSAN CERUN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

I. Pencapaian Output Bagi Kerja Pembaikan dan Pencegahan Cerun

- Tiada Standard Operating Procedures (SOP) khusus disediakan oleh CKC dalam pengurusan kerja pembaikan dan pencegahan cerun.
- CKC ada menetapkan proses kerja berkaitan perancangan dan pemantauan pelaksanaan bagi kerja pembaikan dan pencegahan cerun namun tidak dinyatakan secara terperinci tempoh pelaksanaan bagi setiap proses kerja tersebut.

II. Pengurusan Peralatan Sistem Amaran Awal (SAA)

- Lapan (8) daripada 40 peralatan SAA (20%) yang dipasang tidak berfungsi pada tarikh pengauditan bagi tempoh antara 14 hingga 36 bulan.

III. Tolok Hujan

- Sejak pemasangan tolok hujan, amaran awal bagi tolok hujan tidak dikeluarkan dan disalurkan kepada pegawai JKR yang bertanggungjawab kerana Modul Amaran melalui SMS/Emel belum disediakan oleh kontraktor seperti yang termaktub di dalam syarat kontrak.
- Audit juga mendapati 15 stesen (41.7%) daripada 36 stesen tolok hujan tidak merekodkan bacaan bagi tempoh antara satu (1) hingga 14 bulan.



Tolok Hujan
(Sumber: CKC)

IV. Multi-GNNS

- Kerja penyenggaraan bagi satu (1) stesen Multi-GNSS telah dijalankan oleh kontraktor yang dilantik bagi tempoh 12 bulan bermula Oktober 2015 hingga Oktober 2016. Bagaimanapun, mulai November 2016 sehingga tarikh pengauditan iaitu pada bulan Disember 2019, peralatan tersebut tidak disenggara selama 38 bulan.



Multi-GNSS
(Sumber: CKC)



LKAN SIRI 1 TAHUN 2019 TELAH DIBENTANG DI PARLIMEN PADA 10 DISEMBER 2020

PROJEK: PENGURUSAN PROJEK HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

I. Schedule of Accommodation (SOA)

- Dokumen Pra Tawaran Projek HPUPM tidak memperincikan saiz setiap ruang sebagai penanda aras seperti yang diputuskan di dalam Laporan VM.

II. Air Handling Units (AHU) Dewan Bedah (OT)

- Mengikut TBOR - Mechanical, Perenggan 4.5.4 (Air Handling Units/ Fan Coil Units) menetapkan semua Dewan Pembedahan (OT) dan makmal (laboratories) masing-masingnya perlu dilengkapi dengan Air Handling Units (AHU). Setiap AHU di semua OT perlu dilengkapi dengan standby unit.
- Semakan Audit mendapati sepuluh (10) OT telah dibina dengan satu (1) OT dilengkapi peralatan Robotic Surgery System 4 Arms bernilai RM16.50 juta yang merupakan robot pengganti manusia dalam menjalankan pembedahan. Kesemua sepuluh (10) OT tersebut telah dibina dengan dilengkapi AHU. Bagaimanapun, didapati setiap AHU di sepuluh (10) OT tersebut tidak dilengkapi dengan standby unit seperti ketetapan TBOR.

III. Kerja Pembinaan Tidak Mengikut Spesifikasi / Standard, Tidak Sempurna dan Tidak Sesuai.

IV. Kecacatan / Kerosakan Kemudahan HPUPM

- Berlaku kondensasi yang serius di enam (6) lokasi HPUPM dan berlaku banyak kes kebocoran akibat hujan di blok hospital dan asrama jururawat.

V. Perolehan Peralatan Perubatan List B1

- Proses perolehan peralatan perubatan List B1 mendapati tempoh yang diambil untuk memeterai kontrak daripada tarikh kelulusan KPT mengambil masa selama 597 hari (1 tahun 8 bulan).

VI. Pendaftaran Aset

- Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2019, iaitu sembilan (9) bulan selepas projek HPUPM siap, JKR masih belum mengemukakan senarai aset yang lengkap kepada UPM disebabkan kelewatan kontraktor mengemukakan senarai muktamad.

MENYELARAS MAKLUMBLAS AG DASHBOARD

- Penyelaras maklumbalas di AG Dashboard bagi Laporan Ketua Audit Negara yang telah dibentangkan di Parlimen.
- Penyelaras maklumbalas ini dilakukan secara berkala sehingga maklumbalas dan tindakan yang perlu diambil telah selesai.

JAWATANKUASA SIASATAN (JKS) / JAWATANKUASA SIASATAN DALAM (JKSD) KKR

- Ditubuhkan untuk menjalankan siasatan ke atas mana-mana projek yang diarahkan oleh Pengurusan Tertinggi (JPA/JPM/MOF dll).

- Siasatan dijalankan ke atas teguran punitif daripada Laporan Audit, siasatan ke atas kekalahan kes mahkamah atau aduan terhadap projek JKR.
- Pelantikan ahli JKS adalah oleh JPA manakala ahli JKSD adalah oleh KSU.

Antara isu dan punca di dalam JKSD:

- Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.
- Perakuan Kos Penamatan.
- Tarikh pengeluaran CPC yang dikebelakangkan.

KURSUS LESSON LEARNT LKAN SIRI 1 DAN 2 TAHUN 2020

- Kursus *Lessons Learnt* siri 1 telah diadakan pada 12 -13 Februari 2020 di CREaTE, Melaka dan siri 2 telah diadakan pada 14-15 September 2020 di Menara PJD, Kuala Lumpur.
- Objektif kursus adalah memberi pendedahan berkaitan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara dalam memberi kesedaran terhadap implikasi kepada diri, organisasi, masyarakat dan negara akibat dari kelemahan dalam pengurusan projek
- Hasil mesyuarat JKSD telah mencadangkan keperluan untuk melaksanakan penambahbaikan keatas Surat Arahan KPKR yang sedia ada dan mewujudkan garis panduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi memastikan isu-isu penemuan audit tidak berulang.



2. SEKSYEN SIASATAN




KURSUS ASAS SIASATAN UNTUK PEGAWAI JKR

- ✓ Kursus Asas Siasatan Untuk Pegawai JKR telah diadakan pada 21 dan 22 September 2020 bertempat di Bilik Kuliah Hibiscus, Tingkat 18, Menara PJD, Ibu Pejabat JKR Malaysia, Kuala Lumpur.
- ✓ Kursus ini dianjurkan oleh Bahagian Integriti bersama CREaTE dengan kerjasama Sekolah Penyiasaan, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dalam menyediakan modul kursus serta penceramah berpengalaman dalam mengendalikan siasatan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- ✓ Kursus yang melibatkan seramai 21 orang Pegawai Integriti JKR Negeri dan Cawangan bertujuan untuk memberikan pendedahan asas berhubung tatacara serta kaedah penyiasaan berkesan terhadap kes-kes aduan yang diterima melibatkan kakitangan JKR Malaysia

SIASATAN TERHADAP ADUAN


Seksyen Siasatan, Unit Pengesanan dan Pengesahan, Bahagian Integriti telah turun padang dalam melaksanakan siasatan terhadap kes-kes aduan yang diterima. Siasatan ini melibatkan sesi semakan dokumen dan temu bual kakitangan yang mempunyai kontrak rapat dengan aduan yang diterima. Seterusnya hasil siasatan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Terhadap Kes-Kes Aduan (JKTA) JKR yang dipengerusikan oleh Pengarah CDPK.




UNIT PENGURUSAN ADUAN

MESYUARAT JAWATANKUASA MENILAI MAKLUMAT (JMM) KE ATAS ADUAN INTEGRITI

- ❖ Mesyuarat JMM dipengerusikan oleh Ketua Bahagian Integriti (Bal) CDPK, dan dianggotai oleh Ketua-Ketua Unit Bal.
- ❖ Pada tahun 2020, mesyuarat ini diadakan sebanyak **empat (4)** kali iaitu pada:-
 1. Bil 1/2020 - 2 Oktober 2020
 2. Bil 2/2020 - 9 Oktober 2020
 3. Bil 3/2020 - 23 November 2020
 4. Bil 4/2020 - 4 Disember 2020
- ❖ Dengan adanya JMM ini, segala aduan akan ditapis dan dinilai terlebih dahulu untuk dipastikan kesahihannya sebelum tindakan lanjut terhadap aduan berkenaan.



BIL ADUAN DIBENTANGKAN



MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELARASAN TINDAKAN KE ATAS KES-KES ADUAN (JKTA) JKR 2020

- Mesyuarat JKTA dipengerusikan oleh Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK) dan ahli mesyuarat terdiri daripada Ketua Bahagian CDPK yang dilantik oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.
- Pada tahun 2020, mesyuarat ini diadakan sebanyak **empat (4)** kali iaitu pada:-
 1. Bil 1/2020 - 23 Januari 2020
 2. Bil 2/2020 - 25 Jun 2020
 3. Bil 3/2020 - 7 & 8 November 2020
 4. Bil 4/2020 - 25 November 2020
- Mesyuarat ini adalah untuk mengesyorkan dan memperakukan tindakan yang bersesuaian dengan prosedur jabatan terhadap aduan yang disiasat.

UNIT PEMATUHAN

PROGRAM MYSTERY SHOPPING

➤ Pematuhan Waktu Bekerja Bil. 1/2020 secara bersepadu telah dilaksanakan dalam tempoh 1 - 14 Julai 2020 yang melibatkan sebanyak 19 Cawangan di Ibu Pejabat JKR Malaysia, 11 JKR Negeri, 3 JKR Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya & Labuan), JKR KESEDAR dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE);



➤ Pematuhan Kawalan Larangan Merokok;

- Bertindak berdasarkan aduan dan pemantauan secara berkala;
- Telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada 14 Februari 2020, 19 Ogos 2020 dan 28 Ogos 2020. Lokasi yang terlibat ialah di sekitar kawasan Blok G dan Blok F Ibu Pejabat JKR Malaysia;



➤ JKR Woksyop Persekutuan pada 29 - 30 Jun 2020. Skop mystery shopping yang terlibat ialah seperti berikut:

- Pematuhan Arahan Waktu Bekerja
- Pematuhan Arahan Larangan Merokok
- Kualiti Perkhidmatan Kaunter
- Kualiti Panggilan Telefon
- Kualiti Perkhidmatan Dalam Talian


PROGRAM NAZIRAN

Bahagian Integriti melalui Unit Pematuhan telah melaksanakan Naziran Tatacara Perolehan dan Pentadbiran Kontrak di JKR Woksyop Persekutuan pada 29 - 30 Jun 2020.




PEKELILING DAN ARAHAN KPKR

- Sebanyak 48 bilangan Pekeliling dan Arahan KPKR bagi tahun 2020 (setakat 25 November 2020) telah diselaraskan dan diedarkan melalui emel dan dimuatnaik di dalam laman web JKR. Butiran Pekeliling dan Arahan KPKR adalah seperti berikut:
 - i. Surat Arahan KPKR - 20 bilangan surat;
 - ii. Surat Edaran - 28 bilangan surat.
- Pekeliling dan Arahan KPKR boleh diakses dan dimuat turun di laman web JKR melalui pautan <https://arahankpkrv2.jkr.gov.my>.



UNIT TATATERTIB

STATISTIK KES TATATERTIB JKR 2015-2020



JENIS KESALAHAN YANG DILAKUKAN OLEH KAKITANGAN JKR 2015-2020

Pecahan Kes	Tahun						JUMLAH
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	
Disiplin	25	28	45	33	27	9	167 (67.07%)
Jenayah	0	3	3	4	3	1	14 (5.62%)
Mahkamah/SPRM	0	4	6	1	6	0	17(6.83%)
Salahlaku Projek	6	3	20	7	6	0	42(16.87%)
Surcaj	2	0	6	0	0	1	9(3.61%)
Jumlah	33	38	80	45	42	11	249

*Data berdasarkan laporan yang diterima dan direkod di Bal (bagi pegawai lantikan persekutuan) dan tidak tertakluk kepada keputusan akhir kes

JENIS HUKUMAN YANG DIPUTUSKAN OLEH LTT JKR 2017-2020

Hukuman	Tahun				JUMLAH
	2017	2018	2019	2020	
Amaran	2	2	8	2	14 (14.58%)
Denda	0	1	0	0	1(1.04%)
Lucut Hak Emolumen	0	0	0	0	0
Tanggung Pergerakan Gaji	3	7	6	3	19 (19.79%)
Turun Gaji	0	4	2	3	9 (9.36%)
Turun Pangkat	0	0	1	0	1(1.04%)
Buang kerja	3	7	24	7	41 (42.71%)
Tidak Bersalah	1	4	2	2	9 (9.36%)
Surcaj	0	1	0	0	1(1.04%)
PDKA	0	1	0	0	1(1.04%)
Jumlah	9	27	43	17	96

*Data berdasarkan Minit Mesyuarat LTT JKR Malaysia bermula tahun 2017